



KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

**MAJLIS PENYERAHAN KIT PERALATAN RONDAAN  
SKIM RONDAAN SUKARELA UNTUK RONDAAN TETANGGA  
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
PEMULIHAN OLEH YB MENTERI PERPADUAN NEGARA**

---

17 Jun 2020, Putrajaya – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Sadique hari ini telah menyerahkan kit peralatan rondaan Skim Rondaan Sukarela Rukun Tetangga kepada 16 orang Pengarah Perpaduan Negeri, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang mewakili negeri masing-masing di pejabat Kementerian di Putrajaya.

2. Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah **dibenarkan beroperasi bermula pada 20 Jun 2020** selaras dengan keputusan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri pada 6 Jun 2020 yang telah meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Tugas Rondaan Di Zon Hijau.

3. Kit peralatan rondaan SRS ini seterusnya akan **diedarkan kepada 1,079 SRS untuk digunakan oleh 68,410 anggota** dan kit ini mengandungi peralatan seperti berikut:

- i. *hand sanitizer,*
- ii. pelitup muka,
- iii. wisel,
- iv. ves keselamatan
- v. topi SRS,
- vi. *flash baton,*



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

vii. *thermometer*; dan

viii. lampu picit.

Semua peronda SRS juga akan diwajibkan menggunakan **aplikasi MySejahtera** untuk membolehkan pelaksanaan penilaian kesihatan kendiri dalam mengawal penularan pandemik Covid-19.

4. Penyediaan kit peralatan rondaan ini adalah bagi memastikan pematuhan anggota-anggota SRS kepada protokol kesihatan seperti yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

5. Operasi rondaan SRS ini akan terus memantapkan peranan KRT dalam memperkasakan masyarakat setempat (*community empowerment*) bagi memastikan Zon Hijau dan Zon Kuning terus kekal selamat dari penularan wabak COVID-19.

**Kementerian Perpaduan Negara**

17 Jun 2020

**-TAMAT-**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel +603 8091 8041  
Fax +603 8888 8568 / 569  
E-mail : [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)  
No rujukan: KPN.UKK.100-2/14 (9)